

**UCAPAN ALUAN**  
**YBHG. DATO' YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAН SEBERANG PERAI FIESTA 2016**  
**15 SEPTEMBER 2016, TAPAK EKSPO SЕBERANG JAYA**

---

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang

Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Hasnon, Timbalan Ketua Menteri 1

Yang Berhormat Prof. Dr. P Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II

Yang Berhormat Dr. Afif bin Bahardin, Pengerusi Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap ADUN Seberang Jaya

Yang Berhormat Dato' Seri Farizan bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pulau Pinang

Ahli-ahli Yang Berhormat

Dato'-dato'

Tuan-tuan dan puan-puan

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Petang & salam  
sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan  
terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang  
kerana sudi hadir ke Majlis Perasmian Seberang Perai Fiesta yang julung  
kali diadakan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Untuk makluman semua, penganjuran Seberang Perai Fiesta ini merupakan pesta yang kali pertama diadakan di Seberang Perai. Seberang Perai Fiesta merupakan gabungan 3 pesta iaitu *Agro Festival*, *Food Mega Festival* dan *Tanjuung Art Fest 2.0*. Seberang Perai Fiesta ini telah bermula pada 14 September 2016 dan akan diadakan sehingga 18 September 2016 dari jam 10:00 pagi hingga 11:30 malam. Idea ini tercetus semasa perasmian Pesta Pulau Pinang pada tahun lepas. Di Seberang Perai ada tapak ekspo, sepatutnya ada fiesta atau pesta yang sama. Oleh itu, YAB Ketua Menteri pada masa itu telah mengarahkan untuk mengadakan pada tahun ini. Maka pada malam ini, termakbulah Seberang Perai Fiesta atau Fiesta Seberang Perai untuk penduduk Seberang Perai, dan juga penduduk sebelah pulau. Tidak lupa juga penduduk di kawasan yang berdekatan seperti dari Negeri Kedah, Perlis dan Perak.

Dalam tempoh 5 hari ini, pelbagai acara diadakan seperti pameran dari agensi-agensi seperti Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Verterinar, Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, RISDA, IADA dan lain-lain. Selain itu, pelbagai aktiviti lain juga akan diadakan seperti Pertandingan Karaoke, Pertandingan Ikan Hiasan Guppy, Pertandingan Gubahan Sireh

Hantaran, Pertandingan Gubahan Bunga Segar, Pertandingan Kambing Pejantan Unggul, Pertandingan Ayam Serama, Pertandingan Kerabu buah-buahan tempatan, Cat Fest 2016, Pertandingan Memancing, Pertandingan Masakan Gulai Nangka, senamrobik dan lain-lain lagi. Diharapkan semua pihak akan menggunakan platform ini untuk berkongsi maklumat dan pengetahuan mereka dengan pengunjung-pengunjung yang hadir.

Sempena dengan Seberang Perai Fiesta, buat pertama kali juga berlangsungnya *Food Mega Festival* di Seberang Perai. *Food Mega Festival* ini akan menjadi satu tarikan baru kepada program dimana ia menyediakan lebih kurang 100 jenis makanan untuk dirasai oleh pengunjung.

Bagi mereka yang meminati seni, Seberang Perai Fiesta 2016 juga menyediakan satu platform iaitu melalui *Tanjuung Art Fest 2.0* untuk salinga bertukar pendangan dan pengalaman dalam kesenian. Di samping itu, platform ini juga akan memperkenalkan lebih ramai pengiat-pengiat seni, pereka dan artisan yang terlibat dalam pelbagai kesenian tempatan. Pameran, market seni, ruangan berkarya, busker, borak seni dan lain-lain adalah diantara aktiviti yang akan dijalankan.

Mengambil kesempatan ini, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca di seluruh negeri Pulau Pinang pada 1 Jun 2016 yang lalu. Pengasingan sisa di punca ini adalah satu proses mengasingkan sisa pepejal yang dihasilkan di punca mengikut komposisi sisa pepejal iaitu sisa kitar semula (kertas, plastik, tin aluminium, kotak) dan sisa baki (sampah kotor, dan sisa makanan).

Sempena dengan Seberang Perai Fiesta 2016, MPSP telah menyediakan 20 tong galvanise660 dan 10 tong mgb240 untuk mengisi sisa yang boleh dikitar semula, manakala 4 tong mgb660 dan 42 tong mgb240 pula disediakan untuk mengisi sisa baki yang ditempatkan di 30 lokasi sekitar tapak ekspo ini. Setiap tong ini telah dilabelkan samada untuk sisa boleh kitar semula atau untuk sisa baki. Sebanyak 15 streamer juga dipasang di sekitar tapak ekspo sebagai pemberitahuan dan promosi Dasar Pengasingan Sisa Di Punca. Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua peniaga dan pengunjung untuk mengasingkan sampah dan membuangkannya ke dalam tong sampah yang dilabelkan dengan kategori “sisa boleh kitar semula” atau “sisa baki” oleh MPSP. Sekiranya,

pengunjung ingin mengetahui dengan lebih lanjut cara-cara pelaksanaan pengasingan sisa di punca ini, tuan-tuan dan puan-puan bolehlah melawat gerai MPSP di A8. Pegawai-pegawai MPSP sedia memberi penerangan.

Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Dr. Afif bin Bahardin kerana melibatkan MPSP dalam penganjuran Seberang Perai Fiesta 2016. Tidak lupa juga kepada semua agensi-agensi kerajaan yang lain dan juga Ahli Jawatankuasa Penganjur dalam menjayakan program ini.

Sekian, terima kasih.